

PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA

VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF

(dana dagangan bursa yang diwujudkan dan ditubuhkan di Malaysia pada 8 Oktober 2020)

**PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI BERTARIKH 31 MEI 2023
("PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA") DAN HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN
PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021.**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaraian dan sebut harga bagi Unit-unit VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF ("**Dana**") pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan salinan Prospektus Tambahan Pertama ini telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Pertama ini, tidak boleh diambil sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau mengambil tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat yang diberikan, atau laporan yang terkandung dalam Prospektus Tambahan Pertama ini dan Prospektus bertarikh 12 Julai 2021. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menimbang merit-merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan Prospektus Tambahan Pertama ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami timbul daripada atau dalam kebergantungan ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus Tambahan Pertama ini.

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau Unit-unitnya.

Pengurus



**Value Partners Asset Management
Malaysia Sdn Bhd**
No. Pendaftaran: 201801020486 (1282505-P)

Pemegang Amanah



CIMB Islamic Trustee Berhad
No. Pendaftaran: 198801000556 (167913-M)

**PELABUR-PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN
PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA MINTA NASIHAT
PENASIHAT PROFESIONAL.**

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

PENYATA TANGGUNGJAWAB

Para pengarah Pengurus telah melihat dan meluluskan Prospektus Tambahan Pertama ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini palsu atau mengelirukan.

PENYATA TAMBAHAN

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka mungkin boleh mendapatkan rekurs di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan-peraturan sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau daripada mana terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Prospektus Tambahan Pertama ini atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

VP-DJ Syariah China A-Shares 100 ETF telah diperakui sebagai mematuhi Syariah oleh Penasihat Syariah yang dilantik bagi Dana.

Prospektus Tambahan Pertama ini juga boleh dilihat atau dimuat turun daripada laman web Bursa Malaysia Securities Berhad di www.bursamalaysia.com.

Tidak ada tindakan telah diambil untuk membenarkan penawaran Unit-unit atau pengedaran Prospektus Tambahan Pertama ini dalam mana-mana bidang kuasa selain daripada Malaysia dan selaras dengan itu, Prospektus Tambahan Pertama ini tidak membentuk tawaran atau mencari langganan kepada sesiapa sahaja dalam mana-mana bidang kuasa di mana tawaran sedemikian tidak dibenarkan atau kepada mana-mana orang kepada siapa adalah menyalahi undang-undang untuk membuat tawaran atau mencari langganan.

Pelabur-pelabur hendaklah meminta nasihat penasihat cukai mereka dan mengambil nasihat undang-undang sewajarnya mengenai sama ada apa-apa persetujuan kerajaan atau lain-lain kebenaran adalah diperlukan, atau lain-lain formaliti yang perlu dipatuhi, untuk membolehkan pelabur-pelabur membeli Unit-unit seperti sama ada apa-apa kesan cukai, sekatan pertukaran asing atau keperluan kawalan pertukaran adalah terpakai dan untuk menentukan sama ada pelaburan dalam Dana adalah sesuai untuk pelabur.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Melainkan diperuntukkan di sebaliknya dalam Prospektus Tambahan Pertama ini, kesemua terma dalam huruf besar digunakan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini akan membawa maksud yang sama sebagaimana diberikan kepadanya dalam Prospektus bertarikh 12 Julai 2021 ("Prospektus").

NOTA-NOTA PENJELASAN

- (i) Maklumat berikut telah dipadankan atau dikemas kini memandangkan Tempoh Tawaran Awal telah berakhir:
 - Maklumat mengenai "Jadual Waktu Indikatif";
 - Maklumat mengenai "Saiz Dana Diluluskan"; dan
 - Maklumat mengenai "Seksyen 5.1.1. Sebelum Penyenaraian".
- (ii) Maklumat berikut telah dikemas kini untuk penugasan fungsi pengurusan dana kepada pengurus dana luar:
 - Definisi "Pengurus Dana Luar"; dan
 - Maklumat mengenai "Pengurus Dana yang Ditetapkan" and "Seksyen 7.7. Pengurus Dana Luar".
- (iii) Maklumat berikut telah dikemas kini untuk mematuhi dengan syarat-syarat Garis Panduan Prospektus yang disemak untuk Skim Pelaburan Kolektif:
 - Definisi "LPD";
 - Maklumat mengenai Pengurus, Pengurus Dana Luar, Pemegang Amanah dan Penasihat Syariah;
 - Maklumat mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung dalam Seksyen 7.5, 9.4 dan 9.5;
 - Maklumat mengenai "Seksyen 11. Percukaian";
 - Maklumat mengenai "Seksyen 12.1. Mengikuti perkembangan dengan pembangunan Dana"; dan
 - Maklumat mengenai "Seksyen 12.2. Perjanjian Material";
- (iv) Maklumat berikut telah dikemas kini untuk menunjukkan metodologi Penanda Aras dan peraturan-peraturan saringan Syariah terkini:
 - Maklumat mengenai "Seksyen 3.5. Penanda Aras"; dan
 - Maklumat mengenai "Seksyen 10. Pengumuman Syariah".

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

A. SINGKATAN/ DEFINISI

Muka Surat VI dan IX Prospektus.

- Definisi “LPD” adalah dengan ini dipadam dan digantikan dengan yang berikut:

LPD	28 Februari 2023, merupakan tarikh terakhir paling munasabah sebelum pendaftaran Prospektus Tambahan Pertama ini.
------------	---

- Definisi “Pengurus Sub-pelaburan” dan semua merujuk kepadanya dalam Prospektus adalah digantikan dengan yang berikut:

Pengurus Dana Luar	Value Partners Hong Kong Limited
---------------------------	----------------------------------

B. JADUAL WAKTU INDIKATIF

Muka Surat XII Prospektus.

- Maklumat berhubung dengan jadual waktu indikatif adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

C. PANDUAN KORPORAT

Muka Surat XIII Prospektus.

- Alamat e-mel Pemegang Amanah adalah dengan ini dimasukkan seperti berikut:

E-mel: ss.corptrust@cimb.com

- Alamat e-mel Penasihat Syariah adalah dengan ini dimasukkan seperti berikut:

E-mel: info@amanieadvisors.com

D. SEKSYEN 1. DATA PENTING

Muka Surat 1-2 Prospektus.

Seksyen 1.1. Dana

- Maklumat berhubung dengan “Saiz Dana Awal Diluluskan” adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Perkara	Keterangan Ringkas	Seksyen
Saiz Dana Diluluskan	4,000,000,000 Unit	3.15

- Maklumat berhubung dengan “Penawaran Unit-unit – Sebelum Penyenaraian” adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

E. SEKSYEN 3. MENGENAI VP-DJ SHARIAH CHINA A-SHARES 100 ETF

Muka Surat 14-18 Prospektus.

Seksyen 3.5. Penanda Aras


- Maklumat berhubung dengan "Seksyen 3.5. Penanda Aras" adalah dengan ini dipadankan secara keseluruhan, dan digantikan dengan yang berikut:

Pengenalan

Indeks DJIM China A-Shares 100 ("**Penanda Aras**") mengukur prestasi saham daripada 100 saham terbesar terkandung dalam kedua-dua *Dow Jones Islamic Market China A Index* dan *S&P Access China A Index* yang telah lulus saringan berasaskan peraturan bagi pematuhan Syariah yang diperincikan dalam "Saringan Pematuhan Syariah", dan juga memenuhi kriteria kecairan tambahan. Indeks adalah permodalan pasaran diselaraskan terapung ("**FMC**") berwajaran. Versi pulangan harga Penanda Aras adalah digunakan bagi perbandingan prestasi.

Pemberi Lesen Indeks bukan syarikat berkaitan Pengurus.

Pembentukan Penanda Aras



Nota: ST dan *ST adalah penunjuk amaran risiko yang dikeluarkan ke atas saham syarikat-syarikat yang menghadapi risiko dinyahsenaraikan dan/atau risiko-risiko utama lain. Sila rujuk Bab XIII di dalam kedua-dua Rules Governing the Listing of Stocks on Shanghai Stock Exchange (Revised in 2019) (<http://english.sse.com.cn/start/sserules/stocks/mainboard/listing/>) dan Rules Governing the Listing of Shares on Shenzhen Stock Exchange (2018 Revision) (<http://www.szse.cn/English/rules/siteRule/index.html>) untuk maklumat lanjut.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Saham Awam Tersedia kepada Pelabur-pelabur Asing:

- Sekiranya had pelaburan asing saham individu sangat ketat dan saham mendapat permintaan tinggi di kalangan pelabur-pelabur global, maka selalunya jumlah yang tersedia untuk pelabur-pelabur asing cepat dicapai.
- Pemberi Lesen Indeks memantau had praktikal yang tersedia bagi syarikat-syarikat atas dasar berterusan. Pada setiap pengimbangan semula suku tahunan, konstituen sedia ada yang had praktikal tersedia selebihnya telah jatuh di bawah 4% bagi Saham-A China, dikeluarkan. Saham boleh ditambah hanya sekiranya had praktikal yang tersedia melebihi tahap ini pada masa tambahan.
- Selain itu, sekiranya had praktikal yang tersedia bagi konstituen sedia ada Saham-A China jatuh di bawah 2%, maka ia akan dikeluarkan daripada Penanda Aras dengan notis 2-5 hari perniagaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai pelarasan apungan, had pelaburan asing, dan Faktor Wajaran Boleh Dilabur (IWF), sila rujuk kepada Metodologi Pelarasan Terapung Indeks S&P Dow Jones di <https://www.spglobal.com/spdji/en/governance/methodologies/#methodology-information>.

Konstituen Penanda Aras

Jadual di bawah memperincikan sepuluh (10) konstituen teratas Penanda Aras dan pewajaran masing-masing, pada LPD:

No.	Nama Syarikat	Replikasi Penuh	Pensampelan Perwakilan*
		Pewajaran (%)	Pewajaran (%)
1	Contemporary Amperex Technology Co Ltd	8.1	8.2
2	China Yangtze Power Co Ltd	3.9	3.9
3	BYD Co Ltd	3.8	3.8
4	Shenzhen Mindray Bio-Medical Electronics Co Ltd	3.1	3.1
5	Foshan Haitian Flavouring & Food Co Ltd	3.1	3.1
6	LONGi Green Energy Technology Co Ltd	2.7	2.7
7	Jiangsu Hengrui Medicine Co Ltd	2.3	2.3
8	SF Holding Co Ltd	2.2	2.2
9	Aier Eye Hospital Group Co Ltd	1.8	1.8
10	Luxshare Precision Industry Co Ltd	1.7	1.7

*Pengurus akan terutamanya menggunakan strategi replikasi penuh. Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan ekstrem (contohnya ketidakcairan beberapa sekuriti) menghalang pelaksanaan replikasi penuh, Pengurus kemudiannya akan memilih pensampelan perwakilan.

Sumber: S&P Dow Jones Indices.

Tidak ada gerenti atau jaminan replikasi tepat atau serupa pada bila-bila masa prestasi Penanda Aras sebelum ini. Komposisi Penanda Aras mungkin berubah, dan sekuriti mungkin dinyahsenaraikan.

Terdapat kekurangan budi bicara bagi Dana untuk menyesuaikan diri kepada perubahan pasaran disebabkan sifat pelaburan sedia ada dana dagangan bursa dan yang termasuk dalam Penanda Aras adalah dijangka untuk mengakibatkan kejatuhan yang sepadan dalam nilai Dana.

Pelaburan Dana mungkin tertumpu dalam pasaran atau sektor tertentu.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Kajian dan Pengimbangan Semula Penanda Aras

Penanda Aras menjalani pengimbangan semula suku tahunan di mana konstituen semasa adalah dinilai dan diganti (dalam hal sebarang pepadaman) untuk mengekalkan kiraan konstituen sasaran menggunakan indeks mendasari (induk) yang diimbangi semula sebagai universe mengikut yang berikut:

- Penanda Aras dikaji semula setiap suku tahunan pada Mac, Jun, September, dan Disember. Perubahan kepada indeks pewajaran FMC adalah diumumkan pada hari Jumaat pertama bulan kajian; perubahan adalah dilaksanakan pada pembukaan perdagangan pada hari Isnin berikutan hari Jumaat ketiga bulan kajian.
- Data pasaran pada hari perniagaan terakhir pada Februari, Mei, Ogos dan November digunakan untuk kajian komposisi indeks bagi Penanda Aras.
- Saham, wajaran, dan faktor had pewajaran adalah dikemas kini setiap suku tahunan pada Mac, Jun, September dan Disember. Saham indeks konstituen dikira menggunakan harga penutup pada hari Rabu sebelum Jumaat kedua bulan pengimbangan semula sebagai harga rujukan. Jumlah saham indeks dikira dan diberi kepada setiap stok untuk mencapai wajaran yang ditentukan pada tarikh rujukan.

Penyelenggaraan Berterusan: Indeks dikaji semula atas dasar berterusan bagi peristiwa-peristiwa seperti penyahsenaraian, kebangkrutan, penggabungan, dan pengambilalihan. Perubahan kepada komposisi indeks dan pelarasan wajaran berkaitan adalah dibuat sebaik sahaja ia menjadi berkuat kuasa. Perubahan ini akan biasanya diumumkan 2-5 hari perniagaan sebelum tarikh pelaksanaan.

Tambahan dan Pepadaman: Pada amnya, tidak ada syarikat ditambahkan pada indeks antara pengimbangan semula tahunan, kecuali bagi terbitan sampingan dan penggantian untuk konstituen yang dipadamkan seperti yang diterangkan di bawah.

Terbitan sampingan ditambah pada harga sifar pada penutupan pasaran sehari sebelum tarikh berikutnya (tanpa pelarasan pembahagi) dan dikeluarkan selepas sekurang-kurangnya satu (1) hari perdagangan cara biasa (dengan pelarasan pembahagi), tanpa mengira pematuhan Syariah.

Pepadaman daripada indeks mendasari (induk) adalah dipadamkan daripada Penanda Aras. Sebagai sebahagian daripada penyelenggaraan indeks yang berterusan, syarikat-syarikat yang dikeluarkan daripada indeks selepas peristiwa korporat, seperti penyahsenaraian, kebangkrutan, penggabungan atau pengambilalihan diganti pada pengimbangan semula suku tahunan berikutnya.

Bagi Penanda Aras, konstituen yang dikeluarkan daripada *Shanghai-Hong Kong Stock Connect* atau *Shenzhen-Hong Kong Stock Connect Programs* adalah dikeluarkan daripada Penanda Aras dengan notis 2-5 hari perniagaan.

Penggantian Penanda Aras

Selaras dengan Surat Ikatan, Pengurus boleh, selepas mengambil kira kepentingan Pemegang-pemegang Unit dan tertakluk kepada kelulusan SC, mengganti Penanda Aras dengan indeks lain jika sekiranya berlaku yang berikut:

- Penanda Aras tidak lagi wujud;
- Pengumuman indeks baru menggantikan Penanda Aras;
- Pemberi Lesen Indeks menaikkan yuran lesennya yang dianggap terlalu tinggi oleh Pengurus; atau
- Semua atau sebahagian daripada sekuriti yang membentuk Penanda Aras telah menjadi sukar, tidak cair atau tidak mungkin bagi Pengurus untuk melabur.

Pengurus boleh mengubah nama Dana sekiranya Penanda Aras digantikan. Penggantian Penanda Aras akan memerlukan kelulusan SC terlebih dahulu.

Penanda Aras boleh digantikan dalam hal pemberhentian ketersediaan Penanda Aras.

Maklumat selanjutnya mengenai maklumat Penanda Aras Terkini dan lain-lain berita penting mengenai Penanda Aras akan disiarkan pada laman web Indeks S&P Dow Jones di <https://www.spglobal.com/spdji/en/governance/methodologies/#methodology-information> (bagi peraturan asas indeks dan metodologi) dan laman web Dana (bagi nilai indeks pada penghujung hari).

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Saringan Pematuhan Syariah

(A) Saringan-Berdasarkan Sektor

Berdasarkan parameter Lembaga Penyeliaan Syariah yang ditetapkan, perniagaan yang disenaraikan di bawah adalah tidak konsisten dengan undang-undang Syariah. Majoriti daripada cendekiawan dan lembaga Syariah berpendapat bahawa industri ini dan instrumen kewangan mereka adalah tidak konsisten dengan prinsip Syariah dan oleh itu tidak sesuai untuk tujuan pelaburan Islam. Walaupun tiada konsensus universal wujud di kalangan cendekiawan Syariah kontemporari mengenai larangan syarikat-syarikat tembakau dan industri pertahanan, kebanyakan lembaga Syariah telah menasihatkan agar tidak melabur dalam syarikat-syarikat yang terlibat dalam kegiatan ini. Hasil daripada kegiatan tidak patuh Syariah adalah boleh dipertimbangkan, dengan syarat hasil mematuhi perkara berikut: **Hasil tidak dibenarkan¹ tidak termasuk Faedah Pendapatan bukan kendalian)/ Jumlah Hasil mestilah kurang daripada 5%.**

- Alkohol (pembuat bir, penyuling & saudagar wain, pembungkus, pengangkut, penjual dan penjual semula)
- Tembakau dan rokok elektronik
- Produk ganja untuk rekreasi
- Produk berkaitan daging babi (produk makanan, peruncit & pemborong makanan, hotel, restoran & bar)
- Perkhidmatan kewangan konvensional (perbankan, insurans, perkhidmatan pelaburan, broker insurans, gadai janji kewangan, dan sebagainya.)
 - Institusi kewangan yang sedang beralih kepada Islam sepenuhnya juga dianggap mematuhi Syariah sekiranya mereka memenuhi kriteria di bawah:
 - a. Syarikat mesti mempunyai keputusan daripada lembaga pengarahnya untuk bertukar kepada Islam sepenuhnya.
 - b. Syarikat mempunyai mekanisme penyeliaan Syariah bebas sepanjang tempoh peralihan.
 - c. Penyelia Syariah selepas menyemak dan meluluskan lakaran jalan penukaran telah memberi kelulusan bagi pelaburan dalam saham syarikat.
 - d. Sebarang produk baru yang dikeluarkan oleh syarikat hendaklah diluluskan oleh penyelia Syariah.
- Senjata dan pertahanan (industri pertahanan, pengilang senjata, kontraktor, pembekal perisian pengintip dan komponen dan sistem serangan)
- Hiburan (hotel, kasino/perjudian, panggung wayang, bahan lucah, muzik, dll.)

Syarikat yang diklasifikasikan sebagai kewangan[#] dianggap layak sekiranya syarikat diperbadankan sebagai institusi kewangan Islam, seperti yang berikut: Bank-bank Islam dan syarikat-syarikat insurans takaful.

Syarikat-syarikat yang diklasifikasikan sebagai harta tanah[#] dianggap layak sekiranya operasi dan hartanah syarikat menjalankan perniagaan mengikut prinsip Syariah.

[#]Selaras dengan sistem klasifikasi proprietari yang unik.

(B) Saringan Berasaskan Perakaunan

Selepas mengeluarkan syarikat-syarikat dengan kegiatan perniagaan utama tidak boleh diterima, stok selebihnya adalah dinilai selaras dengan beberapa penapis nisbah kewangan. Penapis adalah berdasarkan kriteria yang diwujudkan oleh lembaga penyeliaan Syariah untuk mengeluarkan syarikat yang mempunyai tahap hutang tidak boleh diterima atau pendapatan faedah yang tidak suci.

Semua yang berikut mestilah kurang daripada 33%:

- Jumlah hutang menanggung faedah dibahagi dengan purata permodalan pasaran sepanjang 24-bulan; dan
- Jumlah tunai syarikat dan sekuriti menerima faedah dibahagi dengan purata pasaran permodalan sepanjang 24-bulan

¹ Hasil tidak dibenarkan termasuk semua bentuk hasil atau pendapatan daripada kegiatan perniagaan yang tidak dibenarkan (contohnya, jualan alkohol, hasil hiburan, dan sebagainya.) dan juga tidak termasuk pendapatan faedah bukan operasi.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Stok-stok yang dianggap mematuhi Syariah pada tempoh penilaian terdahulu yang melebihi nisbah maksimum bagi mana-mana saringan berasaskan perakaunan pada tempoh penilaian semasa kekal dipatuhi sekiranya nisbah dalam dua (2) mata peratus maksimum yang dibenarkan (iaitu sekiranya di antara 33% hingga 35%). Walau bagaimanapun, sekiranya maksimum dilanggar bagi tempoh tiga (3) penilaian berturut-turut stok-stok akan dianggap tidak mematuhi Syariah. Sekiranya mana-mana nisbah adalah di atas dua (2) mata peratus had penimbal (iaitu lebih daripada 35%), stok dianggap tidak mematuhi Syariah dengan serta merta.

Stok-stok dianggap tidak mematuhi Syariah pada tempoh penilaian terdahulu yang melepasi semua saringan berasaskan perakaunan pada tempoh penilaian semasa kekal tidak dipatuhi sekiranya mana-mana nisbah adalah dua (2) mata peratus maksimum yang dibenarkan (iaitu sekiranya di antara 31% hingga 33%). Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat-syarikat memenuhi semua saringan berasaskan perakaunan bagi tiga (3) tempoh penilaian berturut-turut stok akan dianggap mematuhi Syariah. Sekiranya semua saringan berasaskan perakaunan adalah di bawah dua (2) mata peratus had penimbal (iaitu lebih rendah daripada 31%), stok dianggap mematuhi Syariah dengan serta merta.

Syarikat yang melepasi saringan berasaskan sektor dan berasaskan perakaunan boleh dimasukkan sebagai konstituen indeks Indeks Dow Jones Islamic Market.

Pensucian Dividen

Nisbah pensucian dividen disediakan kepada pelanggan indeks pada tahap konstituen bagi tujuan pensucian. Ia dikira sebagai: *Dividen * (Hasil Tidak Dibenarkan/ Jumlah Hasil)*

Di mana Hasil Tidak Dibenarkan bagi pensucian dividen termasuk semua bentuk hasil atau pendapatan daripada kegiatan perniagaan yang tidak dibenarkan (contohnya, jualan alkohol, hasil perjudian, dan sebagainya.) dan juga termasuk semua bentuk pendapatan faedah.

F. SEKSYEN 5. MAKLUMAT URUS NIAGA

Muka Surat 26 Prospektus.

- Maklumat berhubung dengan “Seksyen 5.1.1. Sebelum Penyenaraian” adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

G. SEKSYEN 7. MENGENAI PENGURUS

Muka Surat 41-44 Prospektus.

Seksyen 7.1. Maklumat Korporat

- Perenggan ketiga seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Value Partners Group adalah salah satu pengurus aset bebas yang paling mantap di Asia dengan aset di bawah pengurusan sebanyak US\$6.3 bilion (pada LPD) pada keseluruhan portfolio ekuiti, pendapatan tetap, ETF, alternatif dan aset berbilang. Pengurusan pelaburan adalah perniagaan terasnya, beribu pejabat di Hong Kong, dengan pejabat di Shanghai, Shenzhen, Kuala Lumpur, Singapura dan London yang menyediakan penyelidikan dan memberi khidmat kepada klien. Value Partners Group juga mengekalkan pejabat wakil di Beijing. Value Partners Group menerima pakai pendekatan pelaburan asas dengan kira-kira 50 profesional pelaburan yang menumpukan pada pelaburan Greater China dan Asia kecuali Jepun yang kerap menjalankan mesyuarat usaha wajar, yang telah menghasilkan lebih daripada 250 anugerah prestasi yang diidamkan dan hadiah yang dimenangi sejak penubuhan pada 1993.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Seksyen 7.3. Lembaga Pengarah

- Maklumat dalam seksyen ini adalah dengan ini dipadam secara keseluruhan, dan digantikan dengan yang berikut:

Lembaga pengarah adalah bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Pengurus dan dana-dananya. Lembaga pengarah akan bermesyuarat sehingga empat (4) kali setiap tahun, atau lebih sekiranya keperluan timbul.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah:

Encik ONG Hwee Yeow, James (berusia 52 tahun pada LPD) – Pemangku CEO Value Partners Malaysia

Encik James ONG adalah Pengarah Urusan, Ketua Asia Tenggara dan Ketua Pegawai Eksekutif Singapore Value Partners. Beliau menyelia perniagaan Kumpulan di Asia Tenggara, dan mengetuai perniagaan institusi Kumpulan untuk Asia Tenggara.

Encik ONG menyertai Value Partners pada November 2021. Beliau membawa lebih 25 tahun pengalaman kepimpinan dan pengurusan jualan daripada institusi kewangan terkemuka. Beliau sebelum ini merupakan Pengarah Urusan State Street Global Advisors ("SSGA") dan Ketua rantau Asia Tenggara, bertanggungjawab bagi kedua-dua perniagaan institusi dan perantara dan P&L untuk rantau ini. Sebelum SSGA, beliau adalah Pengarah Klien di HSBC Asset Management dan Pengarah di UOB Asset Management. Sebelum itu, beliau bekerja di sebuah firma penasihat pelaburan butik dan syarikat insurans.

Encik ONG berketululusan ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Komputer) daripada *Nanyang Technological University* di Singapura.

Encik HO Man Kei, Norman ^{CFA} (berusia 56 tahun pada LPD)

Encik Norman HO adalah Pengarah Pelaburan Kanan Value Partners Group. Beliau adalah peneraju dalam proses pelaburan Value Partners Group, dengan tanggungjawab yang tinggi ke atas pengurusan portfolio.

Encik HO mempunyai lebih 32 tahun pengalaman pengurusan aset dan industri kewangan, dengan rekod prestasi yang kukuh dalam penyelidikan dan pengurusan portfolio. Beliau menyertai Value Partners Group pada November 1995. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pelaburan dan Pengarah Pelaburan Kanan masing-masing pada 2010 dan Januari 2014. Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah Value Partners Group, dan juga pengarah anak syarikat tertentu Value Partners Group. Sebelum menyertai Value Partners Group, beliau adalah seorang Eksekutif dengan Dao Heng Securities Limited dan telah memulakan kerjayanya dengan Ernst & Young.

Encik HO tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (mengkhusus dalam Pengajian Pengurusan) daripada The University of Hong Kong. Beliau adalah pemegang piagam *Chartered Financial Analyst* ("CFA"). Beliau juga merupakan pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal.

Cik LAM Mei Kuen, Winnie (berusia 55 tahun pada LPD)

Cik Winnie LAM adalah Ketua Pegawai Operasi Value Partners. Beliau menyelia operasi keseluruhan Kumpulan dan fungsi pejabat belakang, meliputi kewangan, teknologi maklumat, operasi dana, pembangunan produk, serta pentadbiran di seluruh ibu pejabat Kumpulan di Hong Kong dan pejabat luar negara.

Cik LAM menyertai Value Partners pada Julai 2021. Beliau adalah ahli veteran industri yang disegani dengan pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam pengurusan dana dan industri perkhidmatan kewangan di seluruh Asia. Beliau sebelum ini menghabiskan 14 tahun menjadi Ketua Operasi, Asia di First Sentier Investors (dahulunya dikenali sebagai First State Investments), yang berpangkalan di Hong Kong. Sebelum ini, beliau adalah Ketua Penyelesaian dan Pentadbiran Dana di Lloyd George Management, dan mengetuai pasukan kawalan operasi dan pengurusan data di J.P. Morgan Securities. Sebelum itu, Cik LAM pernah memegang pelbagai jawatan kanan dalam syarikat pengurusan dana, bank pelaburan dan firma perkhidmatan kewangan, termasuk Kerry Investment Management, Kerry Securities dan American Express.

Cik LAM tamat pengajian daripada *University of South Australia* dengan ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, dan memperoleh ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Perniagaan daripada *The City University of Hong Kong*. Beliau adalah ahli *Hong Kong Institute of Certified Public Accountants* dan the *Association of Chartered Certified Accountants*.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Encik LEE Siang Korn @ LEE Siang Chin (berusia 74 tahun pada LPD)

Encik LEE Siang Korn @ LEE Siang Chin telah dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Value Partners Malaysia sejak 29 Mac 2019.

Sebelum ini, Encik LEE adalah pengarah bukan eksekutif bebas Value Partners Group dan beliau berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Kim Eng Securities (Thailand) Public Limited Company (sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Thailand), Star Media Group Bhd (sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Securities) dan Tune Insurance Malaysia Bhd. Beliau juga berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Hilong Holding Ltd (sebuah syarikat yang tersenarai di *The Stock Exchange of Hong Kong Limited*), Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia dan ahli panel pelaburannya. Encik LEE sebelum ini berkhidmat masing-masing sebagai pengerusi dan pengarah urusan Surf88.com Sdn Bhd dan AmSecurities Sdn Bhd. Beliau juga bekerja di jabatan kewangan korporat di bank pelaburan terkemuka di London, Sydney dan Kuala Lumpur. Selain itu, Encik LEE memegang pelbagai jawatan awam. Beliau merupakan ahli lembaga Bursa Saham Kuala Lumpur dan Presiden Persatuan Syarikat Broker Saham di Malaysia.

Encik LEE menjadi ahli *Malaysia Institute of Certified Public Accountants* pada 1975, dan ahli *Fellow Institute of Chartered Accountants* di *England* dan *Wales* pada 1979.

Datuk Mohd Nasir bin ALI (berusia 64 tahun pada LPD)

Datuk Mohd Nasir bin ALI telah dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Value Partners Malaysia sejak 24 Julai 2019.

Beliau adalah bekas Pengerusi Amanah Raya Berhad dari Oktober 2018 hingga Mei 2020. Beliau juga adalah bekas Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad dari Oktober 2000 sehingga bersara daripada jawatan tersebut pada Jun 2014.

Sebelum berkhidmat di Utusan Melayu, beliau adalah Pengarah Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif Kuala Lumpur City Securities Sdn Bhd, Pengurus Besar Urus Niaga & Penyelidikan dengan Maybank Securities Sdn Bhd, Pengurus Pelaburan dengan BBMB Unit Trust Management Berhad dan Eksekutif Kanan Pemasaran & Kewangan, Amanah Saham Nasional Berhad dan Eksekutif Pelaburan bersama Permodalan Nasional Berhad. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam unit amanah, pengurusan pelaburan dan industri broker saham.

Selain daripada jawatan pengarahnya dalam lembaga E.A Technique (M) Berhad, Damansara Holdings Berhad dan Goodyear Malaysia Berhad yang tersenarai di Bursa Securities, beliau juga merupakan pengarah MIDF Amanah Investment Bank Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad.

Beliau tamat pengajian daripada Universiti Malaya pada 1980 dengan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian). Pada 1988, beliau tamat pengajian daripada *University of Strathclyde*, United Kingdom dengan Ijazah Sarjana Sains (Pengajian Kewangan).

Seksyen 7.4. Personel Penting dan Pengurus Dana yang Ditetapkan

- Maklumat dalam seksyen ini adalah dengan ini dipadam secara keseluruhan, dan digantikan dengan yang berikut:

Personel Pending:

Encik ONG Hwee Yeow, James

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Value Partners Malaysia

Pengurus Dana yang Ditetapkan:

Pengurus telah melantik Value Partners Hong Kong Limited sebagai Pengurus Dana Luar Dana berkuat kuasa dari 8 Februari 2023. Sila rujuk kepada Seksyen 7.7. Pengurus Dana Luar Prospektus Tambahan Pertama ini bagi butir-butir lanjut mengenai pengurus dana yang ditetapkan untuk Dana.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Seksyen 7.6. Pemegangan Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana

- Maklumat dalam seksyen ini adalah dengan ini dipadam secara keseluruhan, dan digantikan dengan yang berikut:

Pada LPD, kecuali bagi yang berikut, tidak ada pengarah atau personel penting Pengurus yang mempunyai Pemegangan Unit langsung dan tidak langsung dalam Dana:

- Pengurus mempunyai pemegangan Unit langsung dalam Dana.
- Datuk Mohd Nasir bin Ali adalah pengarah bukan eksekutif bebas Pengurus dan mempunyai pemegangan Unit langsung dalam Dana.

Seksyen 7.7. Pengurus Dana Luar

- Maklumat berhubung dengan “Seksyen 7.7. Pengurus Sub-pelaburan” adalah dengan ini dipadam secara keseluruhan, dan digantikan dengan yang berikut:

Pengurus telah melantik Value Partners Hong Kong Limited sebagai pengurus dana luar Dana berkuat kuasa dari 8 Februari 2023.

Value Partners Hong Kong Limited telah diperbadankan di Hong Kong pada 10 Mei 1999 dan memulakan operasi semasanya pada Januari 2008. Ia didedikasikan kepada falsafah melabur dalam sekuriti "nilai" dan menumpukan kepakaran pelaburannya di pasaran Asia, khususnya rantau Greater China. Menggunakan pendekatan bawah ke atas yang berdisiplin, Pengurus Dana Luar menggunakan analisis asas untuk mencari kedudukan yang terkurang nilai.

Value Partners Hong Kong Limited adalah dlesenkan oleh Securities and Futures Commission di Hong Kong bagi mengawal atur kegiatan berikut di Hong Kong di bawah Ordinan Sekuriti dan Niaga Hadapan: Jenis 1 - Urus Niaga dalam Sekuriti, Jenis 2 - Urus Niaga dalam Kontrak-kontrak Niagaan Hadapan, Jenis 4 - Menasihati mengenai Sekuriti, Jenis 5 - Menasihati mengenai Kontrak Niagaan Hadapan, dan Jenis 9 - Pengurusan Aset.

Peranan dan tanggungjawab Pengurus Dana Luar termasuk menguruskan pelaburan Dana selaras dengan Surat Ikatan, Prospektus dan undang-undang berkenaan.

Encik John Hui Kiu Tat adalah pengurus dana yang ditetapkan VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF.

Encik HUI Kiu Tat, John CFA, CAIA, FRM

Portfolio Manager, Quantitative Investment Solutions, Value Partners Hong Kong Limited

Pengurus Portfolio, Penyelesaian Pelaburan Kuantitatif, Value Partners Hong Kong Limited

Encik John HUI menyertai Value Partners Hong Kong Ltd pada Jun 2010 sebagai juruanalisis kuantitatif selama kira-kira 3 tahun, dan menyertai semula syarikat pada November 2016. Beliau pada masa ini merupakan Pengurus Portfolio, Penyelesaian Pelaburan Kuantitatif.

Encik HUI terlibat dalam pengurusan operasi dan portfolio dana dagangan bursa syarikat, termasuk ETF ekuiti pasaran baru muncul dan ETF emas fizikal. Sebelum menyertai semula Value Partners Hong Kong Ltd, beliau adalah seorang juruanalisis kuantitatif di Pejabat CIO APAC BNP Paribas Investment Partners dari Mac 2013 hingga November 2016, di mana beliau bertanggungjawab bagi penyelidikan kuantitatif dan menyokong pengurusan mandat pasif yang menjejaki Indeks CSI 300.

Encik HUI tamat pengajian dengan ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan (Sistem Maklumat) daripada The University of Hong Kong. Beliau adalah pemegang piagam CFA dan *Financial Risk Manager* (FRM).

Litigasi dan Timbang Tara Material

Pada LPD, Pengurus Dana Luar tidak terlibat dalam sebarang litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan tidak mengetahui mengenai sebarang fakta yang berkemungkinan menimbulkan sebarang prosiding yang mungkin menjejaskan secara material kedudukan perniagaan/ kewangan Pengurus Dana Luar.

Maklumat mengenai Pengurus, Pengurus Dana Luar dan Penasihat Syariah, dan sebarang perubahan seterusnya kepada maklumat tersebut yang boleh diperolehi daripada laman web Dana.

H. SEKSYEN 9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Muka Surat 47 Prospektus.

Seksyen 9.4. Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung para Pengarah Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa

- Maklumat dalam seksyen ini adalah dengan ini dipadam secara keseluruhannya.

Seksyen 9.5. Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pemegang-pemegang Saham Utama Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa

- Maklumat dalam seksyen ini adalah dengan ini dipadam secara keseluruhannya.

Seksyen 9.6. Perisytiharan Percanggahan Kepentingan pada LPD

- Perkara ke-6 dimasukkan dalam seksyen ini seperti yang ditunjukkan di bawah:
 - (vi) Value Partners Hong Kong Limited telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari tentang apa-apa keadaan lain yang wujud atau kemungkinan wujud untuk menimbulkan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai pengurus dana luar berhubung dengan Dana.

BAHAGIAN LAIN MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG.

I. SEKSYEN 10. SYARIAH PRONOUNCEMENT

Muka Surat 48-53 Prospektus.

- Maklumat berhubung dengan “Seksyen 10. Pengumuman Syariah” adalah dengan ini dipadam secara keseluruhannya, dan digantikan dengan yang berikut:

PENGUMUMAN SYARIAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Segala pujian kepada Allah, Tuhan yang Maha Besar Maha Pengasih
Maha Penyayang, dan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Allah,
keluarganya dan semua sahabatnya*



VP-DJ Syariah China A-Shares 100 ETF

DANA MEMATUHI SYARIAH DAGANGAN BURSA DIKENALI SEBAGAI “VP-DJ SHARIAH CHINA A-SHARES 100 ETF” (“DANA”)

Kami, Amanie Advisors Sdn Bhd, sebagai Penasihat Syariah bagi Dana Mematuhi Syariah Dagangan Bursa (ETF) dikenali sebagai VP-DJ Syariah China A-Shares 100 ETF (“**Dana**”) diuruskan oleh Value Partners Asset Management Malaysia Sdn. Bhd. (“**Pengurus**”), telah mengkaji struktur dan mekanisme Dana untuk memastikan pematuhan dengan prinsip-prinsip Syariah.

Melainkan di mana ditakrifkan dalam Pengumuman Syariah ini, terma-terma ditakrifkan yang digunakan dalam Pengumuman Syariah ini mempunyai maksud yang sama yang diberi dalam Prospektus bertarikh 12 Julai 2021 (“**Prospektus**”).

1.0 Struktur dan Mekanisme

Dana disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“**Bursa Securities**”) berdasarkan struktur dan mekanisme sebagaimana dikemukakan di bawah:

1.1 Keterangan Ringkas

Perkara	Keterangan Ringkas
Nama Dana	VP-DJ Syariah China A-Shares 100 ETF
Kategori Dana	Dana dagangan bursa ekuiti Islam
Jenis Dana	Dana penjejakan indeks
Saiz Dana Diluluskan	4,000,000,000 Unit
Mata Wang Asas	MYR
Penanda Aras	Indeks DJIM China A-Shares 100
Objektif Pelaburan	Dana dihasratkan untuk menyediakan hasil pelaburan yang hampir sepadan dengan prestasi Penanda Aras.
Strategi Pelaburan	Pengurus akan terutamanya menggunakan strategi replikasi penuh melalui pelaburan dalam Saham-A mematuhi Syariah yang dimasukkan dalam Penanda Aras dalam sebahagian besar pewajaran yang sama dalam mana ianya dimasukkan dalam Penanda Aras melalui Stock Connects. Walau bagaimanapun, sekiranya Pengurus percaya bahawa teknik replikasi penuh bukan kaedah paling cekap untuk menjejaki Penanda Aras, Pengurus boleh menggunakan strategi pensampelan representatif. Di bawah strategi pensampelan representatif, Pengurus akan melabur dalam sampel perwakilan sekuriti mematuhi Syariah yang terdiri daripada Sekuriti Indeks dan Sekuriti

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Perkara	Keterangan Ringkas
	bukan Indeks yang dipilih oleh Pengurus menggunakan, antara lain, model analisis kuantitatif dalam teknik yang dikenali sebagai "pensampelan portfolio". Sekuriti bukan Indeks terpilih akan mempunyai hubung kait yang tinggi (iaitu koefisien hubung kait positif sekurang-kurangnya 0.7) dengan satu atau lebih daripada Sekuriti Indeks untuk digantikan, Pengurus akan memastikan Sekuriti bukan Indeks untuk dipilih telah saringan Syariah yang perlu. NAV Dana selebihnya boleh dilaburkan dalam skim pelaburan kolektif Islam ("CIS"), instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam untuk memenuhi keperluan kecairan.
Peruntukan Aset	• Sekurang-kurangnya 90% daripada NAV Dana akan dilaburkan dalam Sekuriti yang Dibenarkan. • NAV Dana selebihnya boleh dilaburkan dalam CIS Islam, instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam.
Polisi Pengagihan Pendapatan	Dana mungkin mengagihkan pendapatan atas dasar sampingan.

Objektif Pelaburan

- 1.2 Dana dagangan bursa Islam yang dihasratkan untuk menyediakan hasil pelaburan yang hampir sepadan dengan prestasi Penanda Aras.
- 1.3 Dana hanya boleh dilabur dalam sekuriti dan instrumen kewangan di bawah Pelaburan yang Dibenarkan seperti yang diperuntukkan dalam Garis Panduan Pelaburan Syariah yang dikeluarkan untuk Dana sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus.

Pembentukan Penanda Aras

- 1.4 Konstituen Penanda Aras terdiri daripada saham yang terkandung dalam kedua-dua *Dow Jones Islamic Market China A Index* dan *S&P Access China A Index* yang meluluskan saringan berasaskan peraturan bagi pematuhan Syariah, dan juga memenuhi kriteria kecairan tambahan.
- 1.5 Selaras dengan *Dow Jones Islamic Market Indices Methodology*, S&P Dow Jones Indices akan menyaring konstituen Penanda Aras berdasarkan kriteria berikut:

(a) Saringan-Berdasarkan Sektor

Berdasarkan parameter Lembaga Penyeliaan Syariah yang ditetapkan, perniagaan yang disenaraikan di bawah adalah tidak konsisten dengan undang-undang Syariah. Majoriti daripada cendekiawan dan lembaga Syariah berpendapat bahawa industri ini dan instrumen kewangan mereka adalah tidak konsisten dengan prinsip Syariah dan oleh itu tidak sesuai untuk tujuan pelaburan Islam. Walaupun tiada konsensus universal wujud di kalangan cendekiawan Syariah kontemporari mengenai larangan syarikat-syarikat tembakau dan industri pertahanan, kebanyakan lembaga Syariah telah menasihatkan agar tidak melabur dalam syarikat-syarikat yang terlibat dalam kegiatan ini. Hasil daripada kegiatan tidak patuh Syariah adalah boleh dipertimbangkan, dengan syarat hasil mematuhi perkara berikut: **Hasil tidak dibenarkan² (tidak termasuk Faedah Pendapatan bukan kendalian)/ Jumlah Hasil mestilah kurang daripada 5%.**

- Alkohol (pembuat bir, penyuling & saudagar wain, pembungkus, pengangkut, penjual dan penjual semula)
- Tembakau dan rokok elektronik
- Produk ganja untuk rekreasi
- Produk berkaitan daging babi (produk makanan, peruncit & pemborong makanan, hotel, restoran & bar)

² Hasil tidak dibenarkan termasuk semua bentuk hasil atau pendapatan daripada kegiatan perniagaan yang tidak dibenarkan (contohnya, jualan alkohol, hasil hiburan, dan sebagainya.) dan juga tidak termasuk pendapatan faedah bukan operasi.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

- Perkhidmatan kewangan konvensional (perbankan, insurans, perkhidmatan pelaburan, broker insurans, gadai janji kewangan, dan sebagainya.)
 - Institusi kewangan yang sedang beralih kepada Islam sepenuhnya juga dianggap mematuhi Syariah sekiranya mereka memenuhi kriteria di bawah:
 - a. Syarikat mesti mempunyai keputusan daripada lembaga pengarahnya untuk bertukar kepada Islam sepenuhnya.
 - b. Syarikat mempunyai mekanisme penyeliaan Syariah bebas sepanjang tempoh peralihan.
 - c. Penyelia Syariah selepas menyemak dan meluluskan lakaran jalan penukaran telah memberi kelulusan bagi pelaburan dalam saham syarikat.
 - d. Sebarang produk baru yang dikeluarkan oleh syarikat hendaklah diluluskan oleh penyelia Syariah.
- Senjata dan pertahanan (industri pertahanan, pengilang senjata, kontraktor, pembekal perisian pengintip dan komponen dan sistem yang serangan)
- Hiburan (hotel, kasino/perjudian, panggung wayang, bahan lucah, muzik, dll.)

Syarikat yang diklasifikasikan sebagai kewangan* dianggap layak sekiranya syarikat dipergadai sebagai institusi kewangan Islam, seperti yang berikut:

- Bank-bank Islam
- Syarikat-syarikat insurans Takaful

Syarikat-syarikat yang diklasifikasikan sebagai harta tanah* dianggap layak sekiranya operasi dan hartanah syarikat menjalankan perniagaan mengikut prinsip Syariah.

**Selaras dengan sistem klasifikasi proprietari yang unik.*

(b) Saringan Berasaskan Perakaunan

Selepas mengeluarkan syarikat-syarikat dengan kegiatan perniagaan utama tidak boleh diterima, stok selebihnya adalah dinilai selaras dengan beberapa penapis nisbah kewangan. Penapis adalah berdasarkan kriteria yang diwujudkan oleh Lembaga Penyeliaan Syariah untuk mengeluarkan syarikat yang mempunyai tahap hutang tidak boleh diterima atau pendapatan faedah yang tidak suci. Semua yang berikut mestilah kurang daripada 33%:

- Jumlah hutang menanggung faedah dibahagi dengan purata pasaran permodalan sepanjang 24-bulan, dan
- Jumlah tunai syarikat dan sekuriti menanggung faedah dibahagi dengan purata pasaran permodalan sepanjang 24-bulan

Stok-stok yang dianggap mematuhi Syariah pada tempoh penilaian terdahulu yang melebihi nisbah maksimum bagi mana-mana saringan berasaskan perakaunan pada tempoh penilaian semasa kekal dipatuhi sekiranya nisbah dalam dua (2) mata peratus maksimum yang dibenarkan (iaitu sekiranya di antara 33% hingga 35%). Walau bagaimanapun, sekiranya maksimum dilanggar bagi tempoh tiga (3) penilaian berturut-turut stok akan dianggap tidak mematuhi Syariah. Sekiranya mana-mana nisbah adalah di atas dua (2) mata peratus had penimbal (iaitu lebih daripada 35%), stok dianggap tidak mematuhi Syariah dengan serta merta.

Stok-stok dianggap mematuhi Syariah pada tempoh penilaian terdahulu yang melepasi semua saringan berasaskan perakaunan pada tempoh penilaian semasa kekal tidak dipatuhi sekiranya mana-mana nisbah adalah dua (2) mata peratus maksimum yang dibenarkan (iaitu sekiranya di antara 31% hingga 33%). Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat-syarikat memenuhi semua saringan berasaskan perakaunan bagi tiga (3) tempoh penilaian berturut-turut stok akan dianggap mematuhi Syariah. Sekiranya semua saringan berasaskan perakaunan adalah di bawah dua (2) mata peratus had penimbal (iaitu lebih rendah daripada 31%), stok dianggap tidak mematuhi Syariah dengan serta merta.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Pelaburan yang Dibenarkan

- 1.6 Sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaburan Syariah dalam Prospektus, Dana hanya boleh dilabur dalam sekuriti dan instrumen kewangan seperti berikut:
- (a) Sekuriti Indeks
Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan dibuat oleh Dana dalam syarikat-syarikat yang membentuk Penanda Aras.
 - (b) Sekuriti Bukan Indeks
Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan dibuat oleh Dana dalam syarikat-syarikat yang membentuk indeks mendasari.

Walau bagaimanapun, bagi syarikat-syarikat yang bukan konstituen Penanda Aras dan/atau indeks mendasari, metodologi saringan pematuhan Syariah sebagaimana dikemukakan dalam Perkara 1.5 adalah diterima pakai oleh Penasihat Syariah dalam menentukan status Syariah pelaburan Dana. Dalam hal ianya tidak terpakai untuk berbuat demikian atau apabila timbul batasan, Penasihat Syariah, selepas berbincang dan berunding dengan Pengurus, akan mengkaji semula dan menentukan status Syariah sekuriti tersebut selaras dengan peraturan yang dikeluarkan oleh Penasihat Syariah.
 - (c) CIS Islam tempatan atau asing
Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan yang dibuat oleh Dana dalam CIS Islam tempatan atau asing sebagaimana diperakui oleh lembaga Syariah atau penasihat Syariah yang dilantik bagi CIS Islam tempatan atau asing.
 - (d) Instrumen pasaran wang Islam
Dana juga boleh melabur dalam instrumen pasaran wang Islam yang diklasifikasikan sebagai mematuhi Syariah oleh SAC BNM atau Penasihat Syariah.
 - (e) Deposit Islam
Dana juga dilarang daripada melabur dalam deposit menerima faedah dan mengiktiraf sebarang pendapatan faedah.

Terma-terma dan ciri-ciri lain

- 1.7 Pemegang-pemegang Unit adalah berhak untuk menebus Unit-unit melalui cara Penebusan Tunai melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran bagi Jumlah Penebusan Sebenar melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian.
- 1.8 Permohonan Pembentukan dan Permohonan Penebusan boleh dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian pada mana-mana Hari Urus Niaga. Sekiranya Permohonan Pembentukan dan Permohonan Penebusan diterima pada hari yang bukan Hari Urus Niaga atau diterima selepas Tarikh Akhir Permohonan pada Hari Urus Niaga, Permohonan sedemikian akan dianggap sebagai telah diterima pada Hari Urusan yang berikut.
- 1.9 Pembentukan Unit-unit oleh pelabur-pelabur melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian adalah apabila bayaran dibuat oleh pelabur (melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian) bagi Pembentukan Tunai Unit-unit baru melalui bayaran Jumlah Pembentukan yang Dianggarkan pada Hari Urus Niaga. Begitu juga, penebusan Unit-unit oleh pemegang-pemegang Unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian akan disempurnakan dalam cara yang sama, iaitu penebusan Unit-unit hanya akan dibuat atau diterima pada Hari Urus Niaga.
- 1.10 Dana akan mematuhi dengan ketat Garis Panduan Pelaburan Syariah yang meliputi pelaburan Dana serta hal-hal operasi dan pentadbirannya daripada perspektif Syariah berhubung dengan Dana.

2.0 Pematuhan Syariah

Berdasarkan kajian kami dalam proses hujung ke hujung Dana, di bawah adalah pematuhan Dana dengan peraturan dan prinsip Syariah seperti yang dipandu oleh SAC SC.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

2.1 Pelaburan yang Dibenarkan bagi ETF Islam

Aset-aset Dana hanya boleh terdiri daripada aset-aset yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah untuk menjadi sejajar dengan **Perenggan 31.01 Pelaburan yang Dibenarkan untuk ETF Islam dalam Garis Panduan Produk dan Perkhidmatan Pasaran Modal Islam SC-GL/1-2022** yang menyatakan bahawa Aset-aset Dana hanya terdiri daripada aset-aset yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

2.2 Pembentukan Penanda Aras

Merujuk kepada **perkara 1.4 Pembentukan Penanda Aras** di dalam Pengumuman Syariah ini.

Perenggan 31.03 indeks Boleh Terima dalam Garis Panduan Produk dan Perkhidmatan Pasaran Modal Islam SC-GL/1-2022 menyatakan bahawa di mana ETF dinyatakan untuk diuruskan dan ditadbirkan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah, indeks mestilah merupakan indeks Syariah yang terdiri daripada sekuriti patuh Syariah.

2.3 Kajian Berkala

Penasihat Syariah akan mengkaji Dana sekurang-kurangnya atas dasar suku tahunan untuk memastikan prosedur dan pelaburan operasi Dana mematuhi Syariah. Setelah selesai setiap kajian, Penasihat Syariah akan menyampaikan pendapatnya mengenai pematuhan Dana dengan Syariah. Selanjutnya, laporan mengenai status pematuhan Dana bagi tempoh kewangan berkenaan akan disediakan oleh Penasihat Syariah dan akan dimasukkan dalam laporan tahunan Dana.

Kajian berkala adalah sejajar dengan **Perenggan 11(d) pada Jadual A Garis Panduan Dana Dagangan Bursa SC-GL/ETF-2005 (R4-2022)**.

“11. Di mana penasihat Syariah dilantik, maklumat berikut mestilah dinyatakan:

- (d) Kekerapan kajian mengenai pelaburan ETF oleh penasihat Syariah untuk memastikan pematuhan dengan prinsip Syariah atau mana-mana prinsip lain yang berkenaan pada setiap masa.”*

2.4 Proses Pensucian bagi Dana

(a) Pelaburan yang Salah

Ini merujuk kepada pelaburan yang tidak mematuhi Syariah yang dibuat oleh Pengurus. Pelaburan tersebut akan dilupuskan/ditarik balik dengan berkuatkuasa serta merta atau dalam tempoh satu bulan selepas mengetahui status Syariah pelaburan. Sebarang keuntungan yang dibuat dalam bentuk keuntungan modal atau dividen yang diterima sebelum atau selepas pelupusan pelaburan perlu disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah. Dana mempunyai hak untuk mengekalkan hanya kos pelaburan. Sekiranya pelupusan pelaburan mengakibatkan kerugian kepada Dana, kehilangan akan ditanggung oleh Pengurus.

Sejajar dengan **Resolusi SAC SC, 31 Disember 2022** adalah diperlukan bahawa, bagi kesilapan yang tidak disengajakan melabur dalam sekuriti tidak patuh Syariah, SAC SC telah merumuskan bahawa bagi pelabur-pelabur yang melabur berdasarkan prinsip Syariah tetapi disebabkan kesilapan yang tidak disengajakan melabur dalam sekuriti tidak patuh Syariah, langkah-langkah berikut mesti diambil:

- (i) Untuk melupuskan sekuriti tidak patuh Syariah yang dipegang dalam tempoh tidak lebih daripada satu bulan selepas mengetahui status sekuriti; dan
- (ii) Jika sekiranya terdapat apa-apa keuntungan yang dibuat dalam bentuk keuntungan modal atau dividen yang diterima sebelum atau selepas pelupusan sekuriti, ia hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan. Pelabur-pelabur mempunyai hak untuk mengekalkan hanya kos pelaburan.

Resolusi SAC SC, 31 Disember 2022 di atas juga terpakai kepada dana-dana Islam seperti dana-dana amanah saham Islam, dana jualan borong Islam dan lain-lain. Sekiranya pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah menyebabkan kerugian kepada dana-dana Islam, syarikat pengurusan dana mestilah menanggung kerugian dengan memastikan bahagian kerugian dipulihkan dan dikembalikan kepada dana.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

(b) Pengklasifikasi semula Status Syariah Pelaburan Dana

Pengklasifikasi semula status Syariah merujuk kepada sekuriti yang diklasifikasikan semula sebagai tidak patuh Syariah oleh Penasihat Syariah atau lembaga Syariah daripada indeks Islam berkenaan. Sekuriti tersebut akan dilupuskan secepat mungkin.

Sebarang dividen yang diterima dan keuntungan modal timbul daripada pelupusan sekuriti bukan patuh Syariah yang dibuat pada masa pengumuman/ tarikh kajian boleh disimpan oleh Dana. Walau bagaimanapun, mana-mana dividen yang diterima dan lebih keuntungan modal yang diperoleh daripada pelupusan selepas tarikh pengumuman/ kajian pada harga pasaran yang adalah lebih tinggi daripada harga penutupan pada tarikh pengumuman/ kajian hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan sebagaimana dinasihatkan oleh Penasihat Syariah.

Resolusi SAC SC, 31 Disember 2022 memerlukan bahawa, bagi Sekuriti Patuh Syariah yang kemudiannya diklasifikasikan semula sebagai sekuriti tidak patuh Syariah, SAC SC telah memutuskan, berhubung dengan sekuriti patuh Syariah yang telah diklasifikasikan semula sebagai sekuriti tidak patuh Syariah pada tarikh pengumuman Senarai Sekuriti patuh Syariah berkuat kuasa, pemasaan bagi pelupusan sekuriti tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Sekiranya harga pasaran sekuriti tersebut melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan, pelabur-pelabur yang memegang sekuriti tidak patuh Syariah mestilah melupuskannya. Sebarang dividen yang diterima sehingga tarikh pengumuman dan keuntungan modal timbul daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah pada tarikh pengumuman boleh disimpan oleh pelabur-pelabur. Walau bagaimanapun, apa-apa dividen yang diterima dan lebih keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas tarikh pengumuman hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan; dan
- (ii) Sekiranya harga pasaran sekuriti tersebut adalah di bawah kos pelaburan, pelabur-pelabur adalah dibenarkan untuk memegang pelaburan mereka dalam sekuriti tidak patuh Syariah sehingga pelabur-pelabur menerima kos pelaburan. Ia adalah juga dibenarkan bagi pelabur-pelabur untuk menyimpan dividen yang diterima semasa tempoh pemegangan sehingga suatu masa apabila jumlah keseluruhan dividen yang diterima dan nilai pasaran sekuriti tidak patuh Syariah yang dipegang menyamai kos pelaburan. Pada peringkat ini, pelabur-pelabur adalah dinasihatkan untuk melupuskan pemegangan mereka. Selain itu, semasa tempoh pemegangan sekuriti tidak patuh Syariah, pelabur-pelabur juga dibenarkan untuk melanggan: (a) sebarang terbitan sekuriti baru oleh syarikat yang sekuriti tidak patuh Syariahnya dipegang oleh pelabur-pelabur, contohnya pelabur-pelabur melanggan terbitan hak, terbitan bonus, terbitan khas dan waranti (tidak termasuk sekuriti yang sifatnya tidak patuh Syariah contohnya stok pinjaman); dan sekuriti patuh Syariah syarikat-syarikat lain yang ditawarkan oleh syarikat di mana sekuriti tidak patuh Syariah dipegang oleh pelabur-pelabur. Sekiranya dengan mengambil tindakan seperti yang dinyatakan dalam perkara (a) dan (b) di atas pelabur-pelabur berjaya mendapat kembali kos pelaburan, mereka mesti mempercepatkan pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah yang dipegang.

3.0 Kelulusan

Pengumuman Syariah ini diperuntukkan di sini adalah selepas kami mengkaji struktur Dana, terma-terma dan syarat-syarat dan yang dinyatakan di atas. Kami dengan ini mengesahkan bahawa struktur dan terma-terma dan syarat-syarat Dana adalah mematuhi prinsip-prinsip Syariah, tertakluk kepada pelaksanaan yang teratur oleh Klien.

Yang benar

Untuk dan bagi pihak Amanie Advisors Sdn Bhd,

Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar
Pengerusi Eksekutif

Tarikh: 31hb Mac 2023

J. SEKSYEN 11. PERCUKAIAN

Muka Surat 54-57 Prospektus.

- Maklumat berhubung dengan “Seksyen 11. Percukaian” adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan, dan digantikan dengan yang berikut:

**SURAT PENASIHAT CUKAI
MENGENAI CUKAI DANA DAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT**
(disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini)

PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd

Aras 10, Menara TH 1 Sentral
Jalan Rakyat
Kuala Lumpur Sentral
Peti Surat 10192
50706 Kuala Lumpur

Lembaga Pengarah

Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd
Aras 28.03, Integra Tower
The Intermark
No. 348, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

14hb Mac 2023

Tuan,

CUKAI DANA VP-DJ SHARIAH CHINA A-SHARES 100 ETF DAN PEMEGANG-PEMEGANG UNITNYA

Surat ini telah disediakan bagi kemasukan dalam Prospektus Tambahan Pertama (selepas ini dirujuk sebagai “Prospektus”) berhubung dengan tawaran unit-unit dalam VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF (“Dana”).

Cukai pendapatan bagi kedua-dua Dana dan pemegang-pemegang Unit adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 (“Akta”). Peruntukan yang terpakai adalah terkandung dalam Seksyen 61 Akta, yang secara khusus berkaitan dengan percukaian badan-badan amanah di Malaysia.

CUKAI DANA

Dana akan dianggap sebagai residen bagi tujuan cukai Malaysia memandangkan Pemegang Amanah Dana adalah residen di Malaysia.

(1) Pelaburan Asing

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2022, pengecualian pendapatan bersumberkan pelaburan asing yang diterima di Malaysia hanya terpakai kepada seseorang yang bukan residen.

Pendapatan bersumberkan pelaburan asing berikut yang diterima oleh residen Malaysia dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026 (5 tahun) akan terus dikecualikan daripada cukai pendapatan Malaysia:

- Pendapatan dividen yang diterima oleh syarikat-syarikat residen dan perkongsian liabiliti terhad.
- Semua kelas pendapatan yang diterima oleh individu residen (melainkan bagi individu residen yang menjalankan perniagaan melalui perkongsian)

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Berdasarkan penjelasan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri ("LHDN"), pendapatan bersumberkan pelaburan asing (contohnya dividen, faedah, dll.) bagi Dana residen yang diterima di Malaysia akan terus menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan. Akan terdapat tempoh peralihan dari 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 di mana pendapatan bersumberkan pelaburan asing yang dihantar ke Malaysia akan dikenakan cukai pada kadar 3 peratus ke atas pendapatan kasar. Mulai 1 Julai 2022 dan seterusnya, sebarang pendapatan bersumberkan pelaburan asing yang dihantar ke Malaysia akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar 24 peratus bagi Dana residen.

Pendapatan sedemikian daripada pelaburan asing mungkin tertakluk kepada cukai atau cukai tahanan ("WHT") dalam negara asing khusus. Tertakluk kepada pemenuhan syarat-syarat yang ditetapkan yang berkenaan, Dana di Malaysia adalah berhak kepada pelepasan cukai dua kali ke atas mana-mana cukai asing yang ditanggung ke atas pendapatan berhubung dengan pelaburan luar negara.

Pendapatan asing yang tertakluk kepada cukai Malaysia pada tahap Dana juga akan dikenakan cukai apabila diagihkan kepada pemegang-pemegang Unit. Walau bagaimanapun, pengagihan pendapatan daripada Dana akan membawa kredit cukai berhubung dengan bayaran cukai Malaysia oleh Dana. Pemegang-pemegang Unit akan menjadi berhak untuk mengguna kredit cukai terhadap cukai perlu dibayar ke atas pengagihan pendapatan yang diterima oleh mereka.

Keuntungan atas pelupusan pelaburan asing oleh Dana tidak akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia.

(2) Pelaburan Domestik

(i) Cukai Am

Pendapatan Dana terdiri daripada dividen, faedah atau keuntungan³ (selain daripada faedah dan keuntungan³ yang dikecualikan daripada cukai) dan lain-lain pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada atau terakru di Malaysia, selepas menolak perbelanjaan cukai dibenarkan, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar 24 peratus.

Keuntungan atas pelupusan pelaburan oleh Dana tidak akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia.

(ii) Dividen dan Lain-lain Pendapatan Dikecualikan

Semua syarikat akan menerima pakai sistem satu tier. Dengan itu, dividen yang diterima akan dikecualikan daripada cukai dan kebolehan ditolak perbelanjaan yang ditanggung terhadap pendapatan dividen tersebut tidak akan diambil kira. Tidak akan ada lagi apa-apa pemulangan cukai tersedia bagi dividen satu tier yang diterima. Dividen yang diterima daripada syarikat-syarikat di bawah sistem satu tier akan dikecualikan.

Dana boleh menerima dividen Malaysia yang dikecualikan cukai. Dividen yang dikecualikan cukai mungkin diterima daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat yang sebelum telah menikmati atau pada masa ini menikmati pelbagai insentif cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Dana tidak akan dikenakan cukai ke atas pendapatan tersebut yang dikecualikan cukai.

Pendapatan faedah atau keuntungan³ atau pendapatan diskaun yang diperolehi daripada pelaburan berikut adalah dikecualikan daripada cukai:

- a) Sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia;
- b) Debentur⁴ atau sukuk, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserahkan simpan dengan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- c) Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Oleh itu, dengan syarat pelaburan dalam produk berstruktur dilihat sebagai "debentur" di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, pendapatan yang diterima akan dikecualikan cukai. Jikalau tidak, implikasi cukai mungkin timbul.

³ Seksyen 2(7) Akta Cukai Pendapatan 1967, sebarang rujukan kepada faedah akan terpakai, *mutatis mutandis*, kepada keuntungan atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti faedah, dalam urusan niaga yang dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.

⁴ Produk berstruktur yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dianggap sebagai "debentur" di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007 dan termasuk dalam skop pengecualian.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Pendapatan faedah atau keuntungan³ yang diperoleh daripada pelaburan berikut adalah dikecualikan daripada cukai:

- a) Faedah atau keuntungan³ dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- b) Faedah atau keuntungan³ dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana institusi kewangan pembangunan yang dikawal atur di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;
- c) Bon-bon, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, dibayar atau dikredit oleh mana-mana syarikat yang tersenarai pada Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad; dan
- d) Faedah atau keuntungan³ dibayar atau dikreditkan oleh Malaysia Building Society Berhad⁵.

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, pengecualian tidak akan terpakai kepada pendapatan faedah dibayar atau dikreditkan kepada amanah saham yang adalah dana jualan borong yang merupakan dana pasaran wang.

Pendapatan faedah atau keuntungan³ atau pendapatan diskaun yang dikecualikan daripada cukai pada tahap Dana akan juga dikecualikan daripada cukai apabila diagihkan kepada pemegang-pemegang Unit.

Pengecualian:

i. Dana pasaran wang jualan borong

Faedah atau keuntungan³ dibayar oleh mana-mana bank atau institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau mana-mana institusi kewangan pembangunan yang dikawal atur di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan, 2002 kepada unit amanah yang merupakan dana pasaran wang jualan borong adalah tidak lagi dikecualikan cukai.

ii. Dana pasaran wang runcit ("RMMF")

Berdasarkan Akta Kewangan 2021, pendapatan faedah atau keuntungan³ RMMF akan kekal dikecualikan cukai di bawah Perenggan 35A, Jadual 6 Akta

Walau bagaimanapun, pemegang-pemegang Unit residen dan bukan residen (selain daripada pemegang-pemegang Unit individu), yang menerima pendapatan yang diagihkan daripada pendapatan faedah atau keuntungan³ RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6, akan menjadi tertakluk kepada WHT pada kadar 24 peratus.

WHT akan ditahan dan dibayar oleh RMMF kepada pihak berkuasa cukai selepas pengagihan pendapatan kepada pemegang-pemegang Unit.

(3) Instrumen Melindungi Nilai

Olahan cukai terhadap instrumen perlindungan nilai akan bergantung kepada instrumen melindungi nilai tertentu yang dimasuki.

Pada amnya, apa-apa keuntungan/ kerugian berkaitan dengan bahagian pokok akan dianggap sebagai keuntungan/ kerugian modal. Keuntungan/ kerugian berkaitan dengan bahagian pendapatan akan biasanya dianggap sebagai keuntungan/ kerugian hasil. Keuntungan/ kerugian ke atas penilaian semula hanya akan dikenakan cukai atau dituntut selepas realisasi. Apa-apa keuntungan/ kerugian ke atas pertukaran asing adalah dianggap sebagai keuntungan/ kerugian modal sekiranya ia timbul daripada penilaian semula bahagian pokok pelaburan.

(4) Lain-lain Pendapatan

Dana mungkin menerima pendapatan seperti yuran keluar yang akan menjadi tertakluk kepada cukai pada kadar 24 peratus.

⁵ Pengecualian diberikan melalui surat-surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 11 Jun 2015 dan 16 Jun 2015 dan ia berkuat kuasa mulai YA 2015.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

(5) Perbelanjaan Boleh Ditolak Cukai

Perbelanjaan yang ditanggung sepenuhnya dan secara eksklusif dalam penghasilan pendapatan kasar adalah dibenarkan sebagai penolakan di bawah Seksyen 33 (1) Akta. Selain itu, Seksyen 63B Akta memperuntukkan penolakan cukai berhubung dengan imbuhan pengurus, perbelanjaan ke atas penyelenggaraan daftar pemegang-pemegang Unit, perbelanjaan pendaftaran saham, kesetiausahaan, yuran audit dan perakaunan, caj telefon, kos percetakan dan alat tulis dan pos. Pemotongan adalah berdasarkan formula tertakluk kepada minimum sebanyak 10 peratus dan maksimum 25 peratus daripada perbelanjaan.

(6) Cukai Keuntungan Harta Tanah ("RPGT")

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, apa-apa keuntungan atas pelupusan harta tanah atau bahagian dalam syarikat-syarikat⁶ harta tanah ("aset boleh dikenakan bayaran") akan menjadi tertakluk kepada RPGT seperti yang berikut:-

Rangka masa pelupusan	Kadar RPGT
Dalam tempoh 3 tahun	30%
Dalam tahun ke 4	20%
Dalam tahun ke 5	15%
Dalam tahun ke 6 dan tahun-tahun seterusnya	10%

(7) Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST")

Perkhidmatan boleh dicukai yang disediakan oleh orang-orang tertentu yang boleh dikenakan cukai akan menjadi tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Kadar cukai perkhidmatan adalah pada 6 peratus.

Cukai jualan akan dikenakan ke atas barangan boleh dicukai yang dikilang dalam atau diimport ke Malaysia, melainkan secara khusus dikecualikan oleh Kementerian. Kadar bagi cukai jualan adalah tiada, 5 peratus, 10 peratus atau kadar khusus.

Biasanya, Dana, merupakan alat pelaburan kolektif, tidak di bawah regim cukai perkhidmatan. Perkhidmatan pengurusan dana dan perkhidmatan amanah adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan pembrokeran, profesional, perundingan atau pengurusan tertentu yang diperoleh oleh Dana mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6 peratus.

Di mana Dana memperoleh perkhidmatan boleh dicukai yang diimport daripada penyedia perkhidmatan asing, Dana akan diperlukan untuk mengenakan sendiri 6 peratus cukai perkhidmatan dan membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam borang yang ditetapkan.

Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital adalah dilaksanakan pada kadar 6 peratus berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. Di bawah cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital, penyedia perkhidmatan asing yang menjual perkhidmatan digital kepada pengguna-pengguna Malaysia dikehendaki mendaftar dan mengenakan cukai perkhidmatan. Perkhidmatan digital adalah ditakrifkan sebagai perkhidmatan yang dihantar atau dilanggan melalui internet atau rangkaian elektronik lain, tidak boleh dihantar tanpa menggunakan IT dan penghantaran perkhidmatan adalah sebahagian besarnya secara automatik.

Penyediaan perkhidmatan digital oleh penyedia perkhidmatan tempatan juga telah ditetapkan sebagai perkhidmatan boleh dicukai berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. Oleh itu, apabila Dana memperoleh mana-mana perkhidmatan digital yang ditetapkan daripada pembekal perkhidmatan tempatan, perkhidmatan tersebut mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan sebanyak 6 peratus.

⁶ Syarikat harta tanah adalah sebuah syarikat yang dikawal yang memiliki atau membeli harta tanah atau saham-saham dalam syarikat-syarikat harta tanah dengan nilai pasaran tidak kurang daripada 75 peratus daripada jumlah aset ketaranya. Sebuah Syarikat yang dikawal adalah syarikat yang tidak mempunyai lebih daripada 50 ahli dan dikawal oleh tidak lebih daripada 5 orang.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

CUKAI PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Pemegang-pemegang Unit akan dikenakan cukai ke atas jumlah bersamaan dengan bahagian mereka daripada jumlah pendapatan boleh dicukai Dana sehingga tahap pengagihan yang diterima daripada Dana. Pengagihan pendapatan daripada Dana akan membawa kredit cukai berhubung dengan bayaran cukai Malaysia oleh Dana. Pemegang-pemegang Unit akan menjadi berhak untuk mengguna kredit cukai terhadap cukai perlu dibayar ke atas pengagihan pendapatan yang diterima oleh mereka.

Pemegang-pemegang Unit korporat, residen⁷ dan bukan-residen, akan biasanya dikenakan cukai pendapatan pada 24 peratus⁸ ke atas pengagihan pendapatan yang diterima daripada Dana. Kredit cukai boleh dikaitkan kepada pengagihan pendapatan boleh digunakan terhadap liabiliti cukai pemegang-pemegang Unit ini.

Pemegang-pemegang unit individu dan lain-lain pemegang unit bukan korporat yang merupakan residen di Malaysia akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan pada kadar berperingkat berkisar daripada 1 peratus⁹ hingga 30 peratus¹⁰. Pemegang-pemegang Unit individu dan lain-lain pemegang Unit bukan-korporat yang bukan merupakan residen di Malaysia akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan pada 30 peratus. Kredit cukai boleh dikaitkan kepada pengagihan pendapatan boleh digunakan terhadap liabiliti cukai pemegang-pemegang Unit ini.

Pemegang-pemegang Unit bukan residen mungkin juga tertakluk kepada cukai mengikut bidang kuasa mereka masing-masing. Bergantung kepada peruntukan perundangan cukai negara-negara yang berkaitan dan sebarang perjanjian cukai berganda dengan Malaysia, cukai Malaysia yang ditanggung mungkin boleh dikreditkan terhadap cukai asing yang berkaitan.

Pengagihan pendapatan dan keuntungan yang dikecualikan cukai timbul daripada pelupusan pelaburan oleh Dana akan dikecualikan daripada cukai dalam tangan pemegang-pemegang Unit.

Sebarang keuntungan yang direalisasikan oleh pemegang-pemegang Unit (selain daripada peniaga dalam sekuriti, syarikat insurans atau institusi kewangan) ke atas jualan atau penebusan Unit dianggap sebagai keuntungan modal dan tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan. Olahan cukai ini akan termasuk keuntungan dalam bentuk pengagihan tunai atau baki sekiranya berlaku penggulangan Dana.

Pemegang-pemegang unit yang memilih untuk menerima pengagihan pendapatan mereka melalui cara pelaburan dalam bentuk unit-unit baru akan dianggap sebagai telah membeli unit-unit baru daripada pengagihan pendapatan mereka selepas cukai.

Pecahan Unit yang diterbitkan oleh Dana tidak dikenakan cukai dalam tangan pemegang-pemegang Unit.

⁷ Syarikat-syarikat residen dengan modal berbayar berhubung dengan saham biasa sebanyak MYR2.5 juta dan ke bawah dan mempunyai jualan tahunan tidak lebih daripada MYR50 juta akan membayar cukai pada 17 peratus bagi MYR600,000 pertama daripada pendapatan boleh dicukai dengan baki yang dikenakan cukai pada 24 peratus, berkuat kuasa mulai YA 2020.

Berkuatkuasa mulai YA 2009, cukai di atas tidak akan terpakai sekiranya lebih daripada –

(a) 50 peratus daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan;

(b) 50 peratus daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat berkaitan adalah dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat pertama yang disebut;

(c) 50 peratus daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat pertama yang disebut dan syarikat berkaitan yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh satu lagi syarikat;

“Syarikat berkaitan” bermaksud syarikat yang mempunyai modal berbayar berhubung dengan saham biasa lebih daripada MYR2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi YA.

⁸ Selaras dengan Akta Kewangan 2021, kadar cukai pendapatan untuk syarikat (selain daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana) akan dinaikkan kepada 33 peratus sekiranya syarikat mempunyai pendapatan boleh dicukai melebihi MYR100,000,000 pada YA 2022.

⁹ Berkuatkuasa mulai YA 2021, kadar cukai individu residen dikurangkan sebanyak 1 peratus (daripada 14 peratus kepada 13 peratus) untuk kumpulan pendapatan boleh dicukai sebanyak MYR50,001 hingga MYR70,000.

¹⁰ Berkuatkuasa mulai YA 2020, kadar cukai individu residen dinaikkan kepada 30 peratus bagi pendapatan boleh dicukai melebihi MYR2,000,000.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 12 JULAI 2021

Dana Pasaran Wang Runcit ("RMMF")

Di mana Dana adalah RMMF, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022, terdapat WHT ke atas pengagihan daripada pendapatan faedah RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6 dan diagihkan kepada pemegang-pemegang Unit bukan individu.

Bagi pemegang-pemegang Unit korporat residen, WHT bukan cukai muktamad. Pemegang-pemegang Unit korporat residen akan perlu untuk menjadikan tertakluk pendapatan diagihkan daripada pendapatan faedah atau keuntungan³ RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6 kepada cukai dalam penyata cukai pendapatan mereka dan kredit cukai yang dilampirkan (iaitu 24 peratus WHT) akan tersedia bagi penolakan terhadap cukai yang dikenakan ke atas pemegang-pemegang Unit korporat residen.

Bagi pemegang-pemegang Unit korporat bukan-residen, 24 peratus WHT adalah cukai muktamad.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa kenyataan yang dibuat dalam laporan ini menunjukkan dengan betul pemahaman kami akan kedudukan cukai di bawah perundangan cukai semasa Malaysia. Ulasan kami di atas adalah bersifat am dan meliputi cukai dalam konteks perundangan cukai Malaysia sahaja dan tidak meliputi perundangan cukai asing. Ulasan tidak mewakili nasihat cukai khusus kepada mana-mana pelabur dan kami mengesyorkan agar pelabur-pelabur mendapatkan nasihat bebas mengenai isu-isu cukai dikaitkan dengan pelaburan mereka dalam Dana.

Yang benar

untuk dan bagi pihak

PRICEWATERHOUSECOOPERS TAXATION SERVICES SDN BHD

Jennifer Chang

Rakan Kongsy

PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd telah memberikan kebenaran bertulis mereka kepada kemasukan akan laporan mereka sebagai penasihat percukaian dalam bentuk dan konteks dalam mana ia kelihatan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini dan tidak, sebelum tarikh Prospektus dikeluarkan, menarik balik kebenaran tersebut.

K. SEKSYEN 12. MAKLUMAT BERKENAAN

Muka Surat 58 Prospektus.

Seksyen 12.1. Mengikuti perkembangan dengan pembangunan Dana

- Perenggan pertama Seksyen 12.1. Mengikuti perkembangan dengan pembangunan Dana adalah dengan ini dipadam, dan digantikan dengan yang berikut:

Pengurus akan mengeluarkan laporan tahunan Dana pada laman web Dana (www.valuepartners-group.com.my) dalam tempoh dua (2) bulan daripada akhir tempoh kewangan diliputi. Pemegang-pemegang Unit akan didaftarkan secara automatik untuk menerima salinan elektronik laporan tahunan Dana melalui e-mel (mengikut alamat e-mel yang diberi kepada Bursa Depository) dan mereka akan dimaklumkan melalui e-mel di mana untuk memuat turun/ melihat laporan tahunan Dana sebaik sahaja laporan tahunan tersebut tersedia. Namun begitu, Pemegang-pemegang Unit dibenarkan menarik diri daripada mod komunikasi elektronik sedemikian pada bila-bila masa dengan menghantar notis bertulis kepada Pengurus, dan salinan bercetak laporan tahunan Dana akan disediakan untuk Pemegang Unit tanpa sebarang caj. Tanpa mengira mod komunikasi elektronik yang diguna, Pemegang Unit boleh menghubungi Pengurus melalui vpmy-enquiry@valuepartners-group.com untuk meminta salinan bercetak laporan tahunan Dana. Pemegang-pemegang Unit boleh juga meminta salinan tambahan laporan tahunan tersebut dalam waktu biasa perniagaan tertakluk kepada bayaran jumlah yang munasabah sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Seksyen 12.2. Perjanjian Material

- Maklumat berikut dimasukkan di bawah Seksyen 12.2. Perjanjian Material:
 - Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 8 Februari 2023 yang ditandatangani di antara Pengurus dan Pengurus Dana Luar.

BAHAGIAN LAIN MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG.